

17/08/1998

Kongsi kuasa ubah hidup rakyat Sabah

KOTA KINABALU, Ahad - Amalan perkongsian kuasa yang dipraktikkan kerajaan Barisan Nasional (BN) banyak mengubah keadaan hidup rakyat Sabah dan kini mereka menikmati kemajuan setanding negeri lain.

Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS), Tan Sri Bernard Dompok, berkata amalan itu yang antaranya membabitkan penggiliran jawatan Ketua Menteri juga membolehkan semua kaum mendapat peluang secara adil.

Menurutnya, ia penting kerana membolehkan semua kaum sama-sama menyumbang ke arah pembinaan satu bangsa Malaysia yang maju dan bersatu padu menjelang tahun 2020.

Dompok berkata, pelantikannya sebagai Ketua Menteri mewakili Bumiputera bukan Islam tidak bermakna kaum lain diabaikan.

"Apa yang diinginkan di Sabah ialah supaya semua rakyat dapat bekerjasama untuk menangani masalah pembangunan yang diabaikan sejak 30 tahun lalu akibat terlalu berpolitik selain tiada kerjasama erat dengan Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menggulung perbahasan pada hari terakhir persidangan perwakilan PDS keempat di sini petang semalam. Persidangan itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dompok berkata, pengabaian pembangunan oleh kerajaan akibat terlalu berpolitik sebelum ini jelas terbukti berdasarkan kadar kemiskinan rakyat negeri ini sebanyak 26 peratus dan tertinggi di Malaysia.

Selain itu, jumlah isi rumah rakyat termiskin juga tinggi iaitu 11,575 isi rumah, kedua tertinggi selepas Kelantan.

Beliau juga berkata, perebutan kuasa politik di antara Bumiputera Islam dan Bumiputera bukan Islam menyebabkan masyarakat terpinggir dari segi pembangunan sosioekonomi selain membolehkan bukan Bumiputera pula menguasai kegiatan ekonomi negeri ini.

"Kita tidak boleh salahkan masyarakat bukan Bumiputera yang berjaya dalam kegiatan ekonomi kerana ia adalah berpunca daripada pertelingkahan di kalangan masyarakat Bumiputera sendiri," katanya.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan ahli PDS supaya bersikap proaktif serta meningkatkan perpaduan bagi memastikan Barisan Nasional (BN) kekal memerintah negeri selepas pilihan raya negeri akan datang.

Menurutnya, PDS sebagai parti Bumiputera bukan Islam terbesar perlu komited kepada perjuangan bagi memastikan kemenangan BN.

(END)